



PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM (PDTSB)
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
SEKSYEN PENTADBIRAN, PERKHIDMATAN & KEWANGAN

MEMO ANTARA BAHAGIAN

PERKARA	GARIS PANDUAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM (PDTSB) TAHUN 2026	
DARIPADA	KPPD (KP)	SALINAN : TUAN PEGAWAI DAERAH KPPD (T) KPPD (P)
KEPADA	SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN	
RUJUKAN	PDSB/KP/01/0080 JLD 2 (4)	TARIKH: 11 SEPTEMBER 2026

Tuan/puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut seperti di atas.

2. Adalah dimaklumkan, kelulusan Penambahbaikan Garis Panduan PDTSB Tahun 2026 telah dipersetujui untuk digunapakai pada 18 Ogos 2026 melalui Minit Bebas Tuan Pegawai Daerah No. Rujukan : PDSB/KP/01/0080 Jld. 2 bertarikh 6 Julai 2026 (dilampirkan). Garis Panduan yang dimaksudkan adalah seperti berikut :-

- i. Garis Panduan PDTSB Bilangan 1 Tahun 2026: Pengurusan Sewa Ruang Dan Kemudahan Di Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam;
- ii. Garis Panduan PDTSB Bilangan 2 Tahun 2026: Pengurusan Kewangan Dan Akaun Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam;
- iii. Garis Panduan PDTSB Bilangan 3 Tahun 2026: Pengurusan Kuarters Di Bawah Kawalan Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam; dan
- iv. Garis Panduan PDTSB Bilangan 4 Tahun 2026: Pengurusan Pemanduan Berhemah Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam.

3. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan berkenaan Garis Panduan tersebut adalah berkuat kuasa **serta-merta**. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan berkenaan untuk makluman pihak tuan/puan selanjutnya dan boleh di akses secara dalam talian melalui laman portal rasmi PDTSB www.sabakbernam.selangor.gov.my.

**ARAHAN PENTADBIRAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK
BERNAM BERKAITAN PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PEJABAT
DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM (PDTSB) TAHUN 2026**

4. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(CHRISTINA A/P MIGEEMANATHAN P.P.T)

☎ No. Sambungan: 1005

✉ E-mel : christina@selangor.gov.my



GARIS PANDUAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM BILANGAN 1 TAHUN 2026

PENGURUSAN SEWA RUANG DAN KEMUDAHAN DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan menetapkan kadar harga serta syarat yang perlu dipatuhi oleh penyewa dan Pihak Pengurusan dalam urusan penggunaan dan sewaan ruang kemudahan di Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Garis panduan ini merupakan semakan semula daripada Garis Panduan PDTSB Bil. 2/2018 yang diadakan bagi mengoptimumkan kutipan hasil dari sewaan ruang dan kemudahan yang ada di Kompleks PDTSB.
- 2.2. Kadar harga dan kemudahan yang ditawarkan kepada umum perlulah dikaji dan disemak semula agar kutipan hasil relevan dengan perubahan dari semasa ke semasa.

3. JENIS SEWAAN RUANG DAN KEMUDAHAN

- 3.1. Jenis sewaan ruang dan kemudahan adalah seperti berikut:

- 3.1.1. Padang Bola Sepak

- 3.1.2. Dewan Terbuka

- 3.1.3. Gelanggang Bola Tampar / Sepak Takraw / Badminton / Ping Pong
- 3.1.4. Gelanggang *Futsal*
- 3.1.5. Gelanggang *Pickleball* / Bola Jaring / Sepak Takraw
- 3.1.6. Ruang Legar untuk Pameran dan Promosi
- 3.1.7. Bilik Bunga Raya
- 3.1.8. Bilik Mesyuarat Cempaka
- 3.1.9. Bilik Mesyuarat Mawar
- 3.1.10. Bilik Mesyuarat Anggerik

4. KADAR SEWA DAN KEMUDAHAN

4.1. Kadar sewaan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

BIL.	RUANG/ KEMUDAHAN	ASET/ KELENGKAPAN	KADAR SEWA	CATATAN
1	Padang Bola Sepak	2 unit tiang gol	RM 50.00 setengah hari RM 90.00 sehari	8:00 pagi hingga 1:00 tengah hari 8:00 pagi hingga 7:00 petang
2	Dewan Terbuka	Kerusi, Meja, Alatan Siaraya beserta pembesar suara atau Tiada kemudahan di atas	RM 500.00 sehari RM 200.00 sehari	 7:00 pagi hingga 7:00 malam
3	Gelanggang Bola Tampar / Takraw / Badminton / Ping Pong (Gelanggang Kekwa, Blok F)	Gelanggang	RM 5.00 sejam RM10.00 sejam	8:00 pagi hingga 7:00 malam 7:00 malam hingga 12:00 malam
4	Gelanggang Futsal di Kuarters Jalan Pegawai	Gelanggang	RM10.00 sejam RM 90.00 sehari	8:00 pagi hingga 10:00 malam

BIL.	RUANG/ KEMUDAHAN	ASET/ KELENGKAPAN	KADAR SEWA	CATATAN
5	Gelanggang Sukan Berbumbung (Dewan Terbuka)	Gelanggang <i>Pickleball</i>	RM 10 sejam	8:00 pagi hingga 7:00 malam
			RM 15 sejam	7:00 malam hingga 12:00 malam
		Gelanggang Bola Jaring	RM 10 sejam	8:00 pagi hingga 7:00 malam
			RM 15 sejam	7:00 malam hingga 12:00 malam
6	Ruang Legar untuk Pameran dan Promosi	2 unit kerusi dan 1 unit meja sahaja	RM 50.00 sehari	Tempat akan ditentukan Pihak Pengurusan
7	Bilik Bunga Raya (kapasiti 100 orang)	Kerusi, Meja, Penyaman Udara, Alatan Siaraya, <i>Screen Projector & Rostrum</i>	RM60.00 setengah hari	8:00 pagi hingga 1:00 tengah hari
			RM 110.00 sehari	8:00 pagi hingga 5:00 petang
8	Bilik Mesyuarat Cempaka (BMC)	Kerusi, Meja, Penyaman Udara, Alatan Siaraya, <i>Screen Projector & Rostrum</i>	Rujuk perenggan 4.2	Kapasiti 50 orang
9	Bilik Mesyuarat Mawar (BMM)	Kerusi, Meja, Penyaman Udara, Alatan Siaraya, <i>Screen Projector & Rostrum</i>	Rujuk perenggan 4.2	Kapasiti 50 orang
10	Bilik Mesyuarat Anggerik (BMA)	Kerusi, Meja dan Penyaman Udara	Rujuk perenggan 4.2	Kapasiti 7 orang

- 4.2. Bilik Mesyuarat Cempaka (BMC), Bilik Mesyuarat Mawar (BMM) dan Bilik Mesyuarat Anggerik (BMA) adalah untuk kegunaan PDTSB. Walau bagaimanapun, jabatan atau agensi kerajaan lain boleh menggunakannya tertakluk kelulusan Pegawai Daerah Sabak Bernam.

5. TATACARA PERMOHONAN

- 5.1. Pemohon dikehendaki melengkapkan Borang Permohonan Sewaan dan menyerahkannya berserta bayaran di Kaunter Bahagian Khidmat Pengurusan, PDTSB. Sila layari <https://sabakbernam.selangor.gov.my> untuk memuat turun borang tersebut.
- 5.2. Permohonan hendaklah dikemukakan ke PDTSB dalam tempoh tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh penggunaan bagi kemudahan melibatkan selain gelanggang sukan.
- 5.3. Permohonan akan terbatal sekiranya bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh satu (1) hari sebelum tarikh penggunaan.
- 5.4. Bayaran yang telah dijelaskan tidak boleh dikembalikan sekiranya penyewa membatalkan tempahan.

6. TANGGUNGJAWAB

- 6.1. Tanggungjawab Pihak Pengurusan
- 6.1.1. Memastikan proses pengurusan sewa ruang dan kemudahan dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- 6.1.2. Memastikan penyewa membuat pembayaran sebelum tarikh penggunaan.

6.1.3. Bertanggungjawab memantau serta menyelia penggunaan peralatan dan kemudahan sepanjang tempoh sewaan.

6.1.4. Bertanggungjawab untuk membuat tuntutan ganti rugi kepada penyewa atas kerosakan, kemusnahan atau kehilangan kemudahan dan peralatan milik PDTSB mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

6.2. Syarat dan Tanggungjawab ke atas Penyewa

6.2.1. Bayaran penuh perlu dijelaskan satu (1) hari sebelum program atau aktiviti dijalankan.

6.2.2. Pembatalan tempahan hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh penggunaan.

6.2.3. Pihak penyewa bertanggungjawab menjaga kebersihan ruang dan kemudahan yang telah disediakan.

6.2.4. Pihak Penyewa tidak dibenarkan mengubah susun atur dan segala kemudahan yang disediakan.

6.2.5. Penyewa bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kerosakan, kemusnahan atau kehilangan peralatan dan kemudahan milik PDTSB disebabkan kecuaiannya sepanjang tempoh sewaan.

6.2.6. Selepas tamat tempoh sewaan, penyewa hendaklah memastikan segala peralatan persendirian dikeluarkan serta memastikan kemudahan sewaan dalam keadaan asal.

6.2.7. Pihak PDTSB berhak meminda atau membatalkan tempahan sekiranya berlaku pertindihan kepentingan untuk menggunakan kemudahan yang sama antara Pihak Penyewa dan Pihak Pengurusan atau sekiranya berlaku pelanggaran syarat oleh Pihak Penyewa dengan atau tidak dengan dikembalikan bayaran.

7. PEMAKAIAN DAN KUAT KUASA

7.1. Pemakaian garis panduan ini membatalkan Garis Panduan PDTSB Bil. 2/2018.

7.2. Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian.

“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ALI SADIKIN BIN SADIN)

Pegawai Daerah Sabak Bernam

Tarikh : 18 AUG 2026